

## Kemuliaan Memberi

Daripada Abi Umamah al-Bahili RA, Rasulullah SAW bersabda:

يَا ابْنَ آدَمَ، إِنَّكَ إِنْ تَبَدَّلَ الْفَضْلَ خَيْرٌ لَكَ، وَإِنْ تَمَسَّكَهُ شَرٌّ لَكَ، وَلَا تَلَامُ عَلَى كَفَافٍ، وَإِبْدَاءُ بِمَنْ تَعُولُ، وَالْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى

**Maksudnya:** "Hai anak Adam, jika kamu gunakan kurniaan kelebihan adalah lebih baik bagimu dan jika kamu memegangnya (tidak menggunakannya) maka adalah lebih jahat bagimu. Jangan kamu dicela atas menahan hal tersebut, mulakanlah dengan orang yang hampir kepadamu dan tangan yang di atas (pemberi) jauh lebih baik dari tangan yang di bawah (penerima)."

Riwayat Muslim dalam *al-Sahih* (2/718) no. (1036)

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Rasulullah SAW memimpin umatnya untuk mencapai keredaan Allah SWT dalam semua hal. Begitu juga kurniaan dan kelebihan Allah kepada seseorang hendaklah dimanfaatkan untuk membantu seseorang sama ada dengan harta bendanya atau pangkat dan pengaruhnya. Jika ini terjadi sudah tentu orang tersebut dianggap yang terbaik kerana memberi manfaat dan maslahat kepada manusia.
2. Rasulullah SAW memberi perumpamaan bahawa tangan yang memberi dengan tangan yang di atas, menggambarkan betapa mulianya sifat pengorbanan dan juga melambangkan tanda kesyukuran kepada Tuhan.

Al-Syahid Hasan al-Banna menyebut berkenaan dengan التضحية yang sewajarnya ada pada setiap orang Islam.

3. Katanya, berkorban yang saya maksudkan ialah menyumbang jiwa dan harta, masa dan nyawa serta segala-galanya demi mencapai matlamat. Di dunia ini tiada jihad yang tidak menuntut pengorbanan. Segala pengorbanan yang disumbangkan demi gagasan ini tidak akan disia-siakan sebaliknya akan dibalas dengan ganjaran yang lebih besar dan pahala yang lebih baik.
4. Dalam kehidupan bermasyarakat, amat wajar sifat tolong menolong dan bantu membantu diterapkan. Inilah yang dilakukan oleh masyarakat yang berjaya dan bertamadun. Semoga masyarakat kita saling bekerjasama antara satu sama lain.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Nikmat-nikmat itu jika disyukuri akan tetap bertahan, dan jika diingkari akan lari. Dunia itu jika diperlakukan dengan huru-hara akan berlalu, dan jika diperlakukan dengan bijaksana akan menipu.
- ❖ **Pujangga berkata:** Seringkali kenikmatan itu akan melahirkan penyesalan, kesalahan remeh akan menghantar kepada kehinaan, kemaksiatan akan berakibat pada dicabutnya nikmat, dan tertawa akan berakhir dengan tangisan.

### Kisah Teladan

Pada suatu hari Ibn Amir membeli sebuah rumah yang harganya satu ribu dirham. Pada malam harinya ia melihat rumah yang baru dibelinya itu. Tiba-tiba ia mendengar tangisan dari arah rumah tersebut. Ibn Amir bertanya: Kenapa orang itu menangis? Lalu diberitahu bahawa mereka menangis kerana rumahnya baru saja dijual. Sambil Ibn Amir memberitahu pembantunya, supaya disampaikan kepada mereka bahawa wang yang sudah diberikan dan rumah yang baru dibeli itu, semuanya dihadiahkan kepada mereka. Adakah orang yang seperti ini pada zaman sekarang?